

PM turun padang tinjau harga barang

Semua pihak diminta patuhi pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memastikan pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Aidilfitri terus dipatuhi semua pihak.

Perdana Menteri sendiri akan turun padang bagi melakukan tinjauan harga barangan terawal yang termasuk dalam SHMMP termasuk meneliti peraturan dilaksanakan bagi memastikan pengguna dapat menikmati harga yang berpatutan.

Setiausaha Akhbar Kanan kepada Perdana Menteri, Tunku Nashrul Abaidah, berkata pemantauan berterusan bagi SHMPP yang berkuat kuasa mulai kelmarin hingga 7 April ini penting bagi menjamin satu tempoh wajar dan mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan komuniti peniaga.

Katanya, penentuan harga melalui skim itu dibuat selepas mengambil kira pandangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi kerajaan berkaitan dan

pemain industri.

"Perdana Menteri telah mengarahkan KPDN untuk memastikan pelaksanaan SHMPP sempena hari raya yang akan berkuat kuasa 24 Mac hingga 7 April ini, terus dipatuhi semua pihak.

"Ini penting bagi menjamin suatu tempoh yang wajar dan mewujudkan suasana menang-menang kepada pengguna dan komuniti peniaga," katanya pada Taklimat Harian Pejabat Perdana Menteri (PMO) yang disiarkan melalui Facebook PMO Malaysia, semalam.

2 kementerian bekerjasama

Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri turut mengarahkan KPDN terus bekerjasama dengan KPKM bagi melakukan tindakan susulan termasuk menggandakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi menjamin bekalan barangan keperluan rakyat sepanjang musim perayaan sentiasa mencukupi.

Pada masa sama, pengguna dinasihatkan untuk terus membuat laporan kepada KPDN sekiranya terdapat sebarang masalah membabitkan harga barangan sepanjang musim perayaan ini.

Sementara itu, Tunku Nashrul berkata, Perdana Menteri mengarahkan agensi dan pihak yang berkaitan supaya segera turun padang bagi membantu penguurusan pasca banjir di Johor dan Sabah.

Beliau berkata, langkah susu-

lan itu penting bagi meringankan beban ditanggung mangsa banjir terutama menjelang sambutan Aidilfitri tidak lama lagi.

"Mengambil kira situasi di Johor dan Sabah yang kini beransur pulih, seharusnya semua pihak termasuk badan bukan kerajaan dan sektor swasta, mengemblem tenaga membantu mempermudah kesulitan dihadapi mangsa banjir.

"Ekoran bencana terbabit, ia membawa kepada kerosakan harta benda, aset termasuk (menjelaskan) persiapan Aidilfitri yang disediakan sebelum ini," katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut

mengulas prestasi ekonomi negara khususnya laporan tahunan terkini Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) yang menunjukkan ekonomi negara terus berkembang pesat.

Jelasnya, ia membuktikan reformasi ekonomi yang dilaksanakan Kerajaan MADANI sudah membuahkan hasil awal.

"Pertumbuhan ini didorong pelaburan domestik yang tertinggi dalam tempoh sedekad, mencerminkan keyakinan pelabur terhadap hala tuju dasar negara.

"Nilai pasaran modal juga mencatat rekod baharu iaitu mencecah RM4.2 trilion dengan kadar pertumbuhan hampir 11 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Ia bukan sekadar angka tetapi petanda positif bahawa asas ekonomi kita semakin kukuh," katanya.



Tunku Nashrul